

10 JAN 2001

WANITA ASEAN DI WASHINGTON HULUR BANTUAN

Oleh: Salmu Hashim

WASHINGTON, 10 Jan (Bernama) -- Sebuah Kumpulan Wanita Asean (AWC) akan didaftarkan di Washington tidak lama lagi sebagai persatuan yang memanfaatkan penduduk Asean, kata naib presidennya Datin Faridah Ghazzali pada Selasa.

Ketika berucap pada majlis jamuan tengah hari di sini, Faridah, isteri kepada Duta Malaysia ke Amerika Syarikat Datuk Ghazzali Sheikh Kadir, berkata AWC cawangan Washington antara lain akan mengutip derma untuk membantu wanita yang kurang bernasib baik di kawasan luar bandar di negara Asean.

Sumbangan itu bagi membantuyu wanita dan keluarga mereka di negara anggota I Asean yang dilanda bencana alam seperti gempa bumi dan banjir serta membantu wanita dalam perniagaan secara kecil-kecilan.

AWC adalah hasil ilham Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ada beberapa AWC yang dikendalikan terutama oleh isteri para diplomat mewakili 10 negara anggota Asean.

Majlis jamuan itu yang diadakan di Kedutaan Brunei di sini ialah usaha kutipan derma yang pertama oleh AWC dan ini akan diikuti dengan bazar besar Asean yang menampilkan makanan dan hasil kraftangan lewat tahun ini.

Faridah berkata Kumpulan Wanita Asean di Malaysia, antara lain, telah mengutip derma untuk menyumbang mesin mamografi bagi mengesan kanser payu dara di kawasan luar bandar.

-- BERNAMA

SH ZS RYN FAZ